

# TRIPRIL

**Bahan Utama:** RAMIPRIL

**Tambahan:** Aerosil, Polyvinyl Pyrollidone, PVP, Magnesium Stearate, Sunset Yellow, Promigel, Lactose

## Risalah Maklumat Ubat Pengguna

---

### Kandungan risalah

---

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim mengenai TRIPRIL. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang ada mengenainya. Ini tidak bermakna anda tidak perlu mendapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah menimbang risiko dan manfaat yang dijangkakan sebelum anda mengambil TRIPRIL.

**Jlka anda mempunyai apa-apa kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.**

Simpan risalah ini bersama dengan ubat anda. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

### Apakah kegunaan TRIPRIL

---

TRIPRIL tergolong di dalam kumpulan ubat yang dipanggil perencat ACE (Enzim Penukar Angiotensin).

TRIPRIL digunakan untuk merawat:

- Penyakit tekanan darah tinggi (hipertensi)

- sesetengah penyakit jantung contohnya kegagalan jantung akibat serangan jantung.

- Masalah buah pinggang pada sesetengah pesakit.

TRIPRIL juga digunakan untuk mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular dan komplikasi pada pesakit yang berumur 55 tahun ke atas yang mempunyai masalah jantung atau saluran darah, atau kencing manis.

### Penyakit Tekanan Darah Tinggi (Hipertensi):

TRIPRIL digunakan untuk menurunkan tekanan darah tinggi (hipertensi). Semua orang mempunyai tekanan darah. Tekanan ini membantu untuk menolak darah ke seluruh badan anda.

Perubahan tekanan darah anda pada siang hari, bergantung kepada kesibukan atau perasaan anda. Anda mempunyai penyakit tekanan darah tinggi (hipertensi) apabila tekanan darah anda kekal lebih tinggi daripada yang diperlukan, walaupun ketika anda di dalam keadaan tenang dan relaks.

Biasanya tiada tanda-tanda atau gejala-gejala yang timbul akibat tekanan darah tinggi. Pemeriksaan tekanan darah yang kerap merupakan satu-

satunya cara untuk mengetahui sama ada anda mempunyai tekanan darah tinggi. Jika tekanan darah tinggi tidak dirawat, masalah kesihatan yang serius seperti strok, sakit jantung dan kegagalan buah pinggang mungkin terjadi.

### Kegagalan Jantung Akibat Serangan Jantung

TRIPRIL boleh digunakan selepas terkena serangan jantung.

Serangan jantung terjadi apabila salah satu saluran darah utama yang membekalkan darah ke otot jantung tersumbat. Akibatnya, jantung tidak dapat menerima oksigen yang diperlukan dan otot jantung menjadi rosak. Kerosakan tersebut boleh menyebabkan komplikasi jantung seperti kegagalan jantung, ritma jantung tidak tetap dan darah beku.

Kegagalan jantung bermakna otot jantung tidak boleh mengepam darah yang mencukupi ke seluruh tubuh. Kegagalan jantung tidak sama seperti serangan jantung dan ini tidak bermakna jantung tersebut berhenti berfungsi.

Kegagalan jantung boleh mula terjadi tanpa sebarang tanda atau gejala, tetapi apabila ianya berlarutan, pesakit mungkin

mengalami sesak nafas atau mudah merasa letih selepas melakukan senaman yang ringan seperti berjalan kaki. Sesetengah pesakit mungkin terjaga daripada tidur pada waktu malam akibat sesak nafas. Cecair boleh terkumpul di bahagian-bahagian badan, dan tanda-tandanya yang paling nyata ialah pembengkakan pada kaki dan pergelangan kaki.

### **Masalah Buah Pinggang**

TRIPRIL boleh digunakan untuk merawat sesetengah penyakit buah pinggang. Sesetengah penyakit seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi (hipertensi) boleh mendatangkan masalah kepada buah pinggang. Masalah ini berkembang dengan perlahan selama beberapa tahun. Pengawasan yang baik terhadap tekanan darah dan tahap gula dalam darah anda, penting untuk memastikan buah pinggang anda sihat, tetapi ianya mungkin tidak dapat menghalang kejadian kerosakan buah pinggang.

### **Mencegah Penyakit Kardiovaskular dan Komplikasinya**

TRIPRIL digunakan untuk mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular dan komplikasi pada pesakit yang berumur 55 tahun ke atas yang mempunyai masalah jantung seperti penyakit jantung koronari arteri (penyakit jantung yang disebabkan oleh kekurangan bekalan darah ke jantung), penyakit vaskular perifer (kekurangan bekalan darah ke bahagian tangan atau kaki), atau strok.

TRIPRIL juga boleh digunakan untuk mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular dan komplikasinya pada pesakit yang menghidap penyakit kencing manis dan berumur 55 tahun ke atas. Mereka ini merupakan golongan pesakit yang berisiko tinggi ditambah lagi dengan satu atau lebih faktor seperti tekanan darah tinggi, paras kolesterol tinggi dalam darah, masalah buah pinggang, merokok, atau penyakit yang lalu berkaitan dengan saluran darah.

### **Bagaimana TRIPRIL berfungsi**

TRIPRIL berfungsi dengan cara membesarkan saluran darah supaya jantung tidak perlu mengepam darah dengan daya yang kuat ke seluruh badan. Ini juga bermakna apabila jantung anda perlu bekerja dengan lebih kuat contohnya ketika melakukan senaman, ia boleh menghadapinya dengan baik dan anda tidak mudah rasa tercungap-cungap.

Dengan meningkatkan bekalan oksigen ke jantung anda, ia di dalam keadaan kurang tekanan dan tidak perlu bekerja keras. Ini boleh mengurangkan risiko kerosakan yang lebih teruk berlaku kepadanya berikutan serangan jantung.

TRIPRIL juga memperbaiki aliran darah melalui saluran darah kecil di dalam buah pinggang dan membantu buah pinggang untuk bekerja dengan lebih berkesan. Seterusnya ia boleh membantu untuk melambatkan perkembangan kerosakan buah pinggang yang mungkin telah disebabkan oleh penyakit kencing manis atau tekanan darah tinggi.

Oleh itu, terdapat beberapa sebab mengapa doktor anda telah memutuskan untuk merawat anda dengan TRIPRIL. Doktor anda mungkin telah mempreskrip TRIPRIL atas sebab-sebab lain.

### **Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa TRIPRIL dipreskrip untuk anda.**

TRIPRIL tidak boleh menyebabkan rasa ketagihan.

TRIPRIL hanya boleh diperolehi melalui preskripsi doktor.

---

## **Sebelum menggunakan TRIPRIL**

---

### ***Bila tidak boleh mengambil***

**Jangan mengambil TRIPRIL jika:**

**1. anda pernah alah terhadap TRIPRIL atau sebarang ubat yang mengandungi ramipril atau sebarang bahan kandungan yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.**

Tanda-tanda tindakbalas alahan terhadap TRIPRIL termasuklah ruam kulit, kulit gatal-gatal, sukar bernafas, pembengkakan pada muka, bibir, atau lidah, sakit pada bahagian abdomen, sakit atau lemah otot, atau sakit sendi.

**2. anda pernah mengambil mana-mana ubat di dalam kumpulan perencat ACE, yang menyebabkan pembengkakan pada muka, bibir, lidah, tekak, tangan atau kaki anda, atau membuatkan anda sukar bernafas.**

Jika anda pernah mengalami tindak balas alahan terhadap ubat perencat ACE, anda mungkin akan alah terhadap TRIPRIL.

3. anda mempunyai sejarah keluarga yang mengalami pembengkakan pada muka, bibir, lidah, tekak, usus, tangan atau kaki tanpa sebarang sebab.

4. anda mempunyai masalah buah pinggang atau penyakit yang dipanggil stenosis renal arteri (penyempitan saluran darah kecil di dalam buah pinggang).

5. anda mempunyai masalah atau penyakit yang menjejaskan aliran masuk dan keluar darah daripada jantung (contohnya stenosis aortik atau valvular iaitu penyempitan saluran darah pada injap aorta jantung).

6. anda mempunyai tekanan darah rendah.

7. anda menjalani rawatan dialisis jenis high flux dialisis.

8. anda hamil atau merancang untuk hamil. Ubat ini boleh meresap masuk ke dalam rahim dan boleh menjejaskan janin anda.

9. anda sedang menyusukan bayi. Ubat ini boleh meresap masuk ke dalam susu ibu dan boleh menjejaskan bayi anda.

**Jangan ambil TRIPRIL selepas tarikh luput yang dicetak (EXP) pada pek pembungkusan.** Jika diambil

selepas tamat tarikh luput, ia mungkin tidak memberi apa-apa kesan.

**Jangan guna TRIPRIL jika pembungkusannya telah terkoyak atau ada tanda-tanda ianya telah dibuka.**

### ***Sebelum Mula Mengambil***

**Maklumkan kepada doktor jika anda alah kepada:**

- sebarang ubat-ubatan
- mana-mana bahan lain seperti makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna.

**Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai sebarang penyakit, terutamanya yang berikut:**

- masalah buah pinggang, atau sedang menjalani rawatan dialisis (doktor akan memberikan anda TRIPRIL untuk merawat masalah buah pinggang anda)
- penyakit hati
- penyakit jantung (doktor akan memberikan anda TRIPRIL untuk merawat masalah jantung)
- tekanan darah rendah (anda mungkin mengalami rasa pening atau pitam)
- bilangan sel darah putih rendah
- kencing manis (doktor akan memberikan anda TRIPRIL untuk merawat kencing manis)
- paras garam kalium dalam darah anda tinggi
- penyakit Systemic Lupus Erythematosus (SLE) iaitu

sejenis penyakit autoimun yang kronik, skleroderma atau penyakit imun yang lain

**Maklumkan kepada doktor jika anda mempunyai sejarah keluarga yang mengalami pembengkakan pada muka, bibir, lidah, tekak, usus, tangan atau kaki.**

**Anda harus memaklumkan kepada doktor jika anda:**

- sedang mengikuti program pengambilan garam yang sangat rendah atau sangat tinggi
- ternyahidrat, atau pernah mengalami cirit-birit atau muntah baru-baru ini.
- akan menjalani pembedahan atau diberi ubat bius
- merancang untuk hamil atau menyusukan bayi

**Jika anda belum memaklumkan perkara tersebut kepada doktor anda, maklumkan segera sebelum mula mengambil TRIPRIL.**

***Jika mengambil ubat-ubatan lain***

**Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.**

Sesetengah ubat dan TRIPRIL boleh bertindakbalas antara satu sama lain. Ini termasuklah

- ubat-ubatan lain untuk merawat tekanan darah tinggi

- ubat diuretik (bertindak membuang air yang berlebihan dalam tubuh)
- lithium, ubat untuk penyakit murung
- tablet kalium tambahan atau pengganti garam yang mengandungi kalium
- ubat anti-radang bukan steroid (NSAID), ubat untuk tahan sakit, bengkak dan tanda-tanda radang yang lain.
- ubat suntikan insulin dan ubat tablet untuk merawat kencing manis
- ubat heparin
- ubat bius
- ubat yang menjejaskan sel-sel darah contohnya ubat allopurinol, procainamide, kortikosteroid
- ubat imunosupresan, atau ubat untuk merawat penyakit kanser
- jika anda mengambil TRIPRIL untuk merawat tekanan darah tinggi, jangan mengambil mana-mana ubat (termasuklah yang boleh diperolehi tanpa preskripsi doktor) untuk mengawal selera makan, penyakit asma (lelah), demam, batuk, demam alergi atau masalah sinus tanpa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

Ubat-ubatan ini boleh terjejas disebabkan oleh TRIPRIL atau mungkin menjejaskan kesan TRIPRIL. Anda mungkin memerlukan sukatan ubat yang berbeza atau mengambil ubat-

ubatan yang lain. Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihatkan anda mengenainya.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika mengambil TRIPRIL.

---

## Cara menggunakan TRIPRIL

---

### *Berapa banyak perlu diambil*

Doktor anda akan menentukan dos TRIPRIL yang sesuai untuk anda. Dos ini mungkin ditambah bergantung kepada keadaan anda dan ubat-ubatan lain yang anda ambil.

**Ambil ubat TRIPRIL mengikut arahan doktor anda.**

Doktor anda akan memilih dos TRIPRIL yang sesuai untuk anda. Sesetengah pesakit mungkin memerlukan dos permulaan yang lebih rendah. Dos biasa TRIPRIL ialah:

- untuk tekanan darah tinggi, 2.5 mg hingga 10 mg sehari.
- untuk kegagalan jantung, 5 mg hingga 10 mg sehari.
- untuk masalah buah pinggang, 1.25 mg hingga 5 mg sehari.
- Untuk risiko kardiovaskular, 2.5 mg hingga 10 mg sehari.

Doktor mungkin akan mengubah dos tersebut bergantung kepada keadaan anda.

Jika anda perlu mengambil 2 biji tablet, doktor anda mungkin mengarahkan anda untuk mengambilnya sekaligus atau pada masa yang berbeza. Ini bergantung kepada jenis penyakit yang dirawat atau kesan tindakbalas anda terhadap TRIPRIL.

**Patuhi semua arahan yang telah diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.**

Ia mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat di dalam risalah ini.

**Jika anda tidak faham arahan yang dinyatakan pada pek, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.**

### *Bagaimana cara untuk mengambil*

Telan tablet TRIPRIL sepenuhnya dengan air yang banyak.

### *Bila perlu mengambil*

**Ambil TRIPRIL pada masa yang sama setiap hari.**

Mengambil ubat pada masa yang sama setiap hari akan memberikan kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati waktu pengambilan ubat.

**Anda boleh mengambil TRIPRIL sebelum atau selepas makan.**

### *Berapa lama perlu mengambil*

TRIPRIL membantu mengawal keadaan penyakit anda, tetapi tidak menyembuhkannya. Oleh itu, TRIPRIL mesti diambil setiap hari.

Jangan berhenti mengambil ubat anda tanpa merujuk pada doktor.

### ***Jika terlupa mengambil***

Jika masa untuk dos seterusnya hampir tiba, langkau dos yang tertinggal tersebut dan ambil dos yang seterusnya. Jika tidak, ambil sebaik anda teringat, dan seterusnya ambil tablet anda mengikut masa yang sepatutnya.

Jika anda tidak pasti sama ada perlu melangkau dos tersebut, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos anda yang tertinggal sebelumnya.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingati waktu pengambilan TRIPRIL, dapatkan cara untuk mengatasinya daripada ahli farmasi anda.

### ***Jika mengambil berlebihan (Terlebih dos)***

Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil TRIPRIL secara berlebihan.

Lakukan perkara tersebut sekalipun tiada tanda-tanda

### **ketidakselesaan atau keracunan.**

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Jika anda mengambil terlalu banyak tablet TRIPRIL, anda akan berasa pening atau pitam. Anda juga mungkin akan mengalami denyutan jantung yang perlahan.

---

## **Semasa menggunakan TRIPRIL**

---

### ***Perkara yang perlu dilakukan***

Maklumkan mana-mana doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil TRIPRIL.

Jika anda akan mula mengambil ubat-ubatan lain, maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil TRIPRIL.

Pastikan anda minum air yang mencukupi semasa bersenam dan sewaktu hari panas ketika anda mengambil TRIPRIL, terutamanya jika anda banyak berpeluh.

Jika anda tidak minum air yang mencukupi ketika mengambil TRIPRIL, anda mungkin berasa pitam atau ringan kepala atau loya.

Ini disebabkan oleh penurunan tekanan darah dengan banyak. Jika anda terus berasa tidak sihat, maklumkan kepada doktor anda.

**Jika anda muntah dan/atau cirit-birit dengan teruk semasa mengambil TRIPRIL, laporkan kepada doktor anda.**

Ini boleh menyebabkan anda kehilangan air yang banyak dari dalam badan dan menurunkan tekanan darah dengan mendadak.

**Maklumkan kepada doktor jika kepala anda terasa ringan atau pening selepas mengambil dos pertama TRIPRIL atau selepas ianya anda ditingkatkan.**

Jika anda merancang untuk menjalani pembedahan, yang memerlukan penggunaan ubat bius, maklumkan kepada doktor bahawa anda sedang mengambil ubat TRIPRIL.

Tekanan darah anda boleh turun secara mendadak ketika pembedahan.

Jika anda telah hamil atau merancang untuk hamil ketika mengambil TRIPRIL, laporkan kepada doktor anda.

Jika anda perlu melakukan ujian darah ketika mengambil TRIPRIL, maklumkan kepada doktor anda.

TRIPRIL boleh menjejaskan bacaan sesetengah ujian tersebut.

**Periksa tekanan darah anda seperti yang diarahkan oleh doktor untuk mengetahui keberkesanan TRIPRIL.**

**Jumpa doktor anda secara berkala untuk melakukan pemeriksaan kesihatan.**

Doktor anda mungkin sesekali akan melakukan ujian darah untuk memeriksa tahap kalium dalam darah anda dan memastikan buah pinggang anda dalam keadaan baik.

### ***Perkara yang tidak boleh dilakukan***

**Jangan beri TRIPRIL kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.**

**Jangan guna TRIPRIL untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.**

**Jangan berhenti mengambil TRIPRIL, mengurangkan atau menaikkan dosnya tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu.**

### ***Perkara yang perlu diberi perhatian:***

**Jika kepala anda terasa ringan, pening atau pitam ketika anda hendak bangun dari tidur atau cuba berdiri, lakukannya secara perlahan-lahan.**

Bangun secara perlahan-lahan, terutamanya ketika hendak bangun dari tidur atau dari kerusi. Ini boleh membantu badan anda menyesuaikan keadaan ketika berlakunya perubahan posisi dan tekanan darah. Jika masalah ini berterusan atau menjadi semakin teruk, maklumkan kepada doktor anda.

**Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda merasai kesan TRIPRIL terhadap anda.**

Seperti ubat-ubatan perencat ACE yang lain, TRIPRIL boleh menyebabkan rasa pening, keletihan, atau rasa mengantuk pada sesetengah pesakit. Pastikan anda tahu kesan TRIPRIL terhadap anda sebelum memandu kenderaan, mengendali mesin atau melakukan perkara-perkara yang boleh membahayakan ketika anda rasa pening. Jika ini terjadi, jangan memandu.

Jika anda mengambil minuman alkohol, rasa pening anda akan menjadi lebih teruk.

### ***Perkara yang boleh membantu mengawal penyakit anda.***

Beberapa kaedah di bawah boleh membantu keadaan anda. Doktor atau , ahli farmasi anda boleh memberikan maklumat lanjut mengenai kaedah ini.

- Alkohol: Doktor anda akan menasihati anda untuk menghadkan pengambilan alkohol.
- Pemakanan – makan makanan secara sihat termasuklah banyakkkan memakan sayur-sayuran, buah-buahan, roti, bijirin dan ikan. Kurangkan makanan berlemak dan gula.
- Senaman: Senaman yang kerap membantu menurunkan tekanan darah tinggi dan menguatkan jantung. Jangan lakukan senaman dengan keterlaluan.

Berjalan kaki adalah senaman yang baik, tetapi cuba lakukannya di jalan yang rata. Dapatkan nasihat doktor sebelum memulakan senaman untuk mengetahui senaman yang paling sesuai untuk anda.

- Garam: Doktor anda akan menasihati anda untuk mengawal jumlah garam dalam makanan anda. Elakkan penggunaan garam dalam masakan anda.
- Merokok: Doktor akan menasihati anda untuk berhenti merokok atau mengurangkannya.
- Berat badan: Doktor anda akan menyarankan anda supaya menurunkan berat badan. Sesetengah pesakit mungkin memerlukan pakar pemakanan untuk merancang diet yang sesuai untuk membantu menurunkan berat badan.

---

## **Kesan-kesan sampingan**

---

**Laporkan segera kepada doktor atau ahli farmasi jika anda berasa tidak sihat ketika mengambil TRIPRIL.**

TRIPRIL membantu mengawal penyakit pada kebanyakan pesakit tetapi ia mungkin boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah daripada mereka. Semua ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan. Kadang kala ianya serius, tetapi selalunya tidak. Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

**Tanya doktor atau ahli farmasi untuk menjawab sebarang soalan anda.**

Berikut adalah senarai kesan-kesan sampingan yang dijangkakan. Jangan berasa cemas melihatnya. Anda mungkin tidak mengalami

sebarang kesan sampingan tersebut.

**Laporkan kepada doktor jika anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda:**

- kepala rasa ringan atau pening
- sakit kepala
- lesu
- batuk tanpa kahak
- sakit perut contohnya rasa loya, muntah
- cirit-birit
- rasa keletihan yang luar biasa
- telinga berdengung
- mudah lupa atau keliru

Kesan-kesan sampingan di atas selalunya kesan ringan TRIPRIL.

**Laporkan kepada doktor anda dengan serta-merta jika anda mengalami keadaan berikut:**

- gangguan penglihatan
- tanda-tanda selaran cahaya matahari (seperti kulit kemerahan, gatal, bengkak, melecur) yang terjadi lebih mudah daripada biasa
- kulit beruam, bengkak-bengkak dan gatal
- tanda-tanda penyakit anemia seperti keletihan, sesak nafas and kelihatan pucat.
- kulit atau mata menjadi kuning(jaundis),
- sesak nafas atau sesak dada
- jari-jari tangan atau kaki menjadi kebas, semut-semut dan bertukar warna (putih, biru dan kemudian merah) apabila terdedah kepada kesejukan.

- Sakit bahagian atas perut dengan teruk, selalunya loya dan muntah
- tanda-tanda jangkitan yang kerap berlaku seperti demam, seram sejuk, sakit tekak atau ulser mulut
- kurang buang air kecil berbanding biasa
- mudah mendapat kesan lebam daripada biasa

Kesan-kesan sampingan tersebut adalah serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera. Semua kesan-kesan sampingan tersebut amat jarang berlaku.

**Jika anda mengalami keadaan berikut, hentikan pengambilan TRIPRIL dan laporkan kepada doktor anda dengan segera atau kunjungi unit kecemasan di hospital yang berdekatan:**

- rasa nak pitam selepas beberapa jam mengambil ubat ini
- rasa pening dan keliru yang teruk dan gangguan penglihatan dan pertuturan.
- bengkak pada muka, bibir, mulut atau tekak yang menyebabkan sukar bernafas atau menelan.
- bintik-bintik merah dan gatal pada kulit yang boleh mencetuskan tanda-tanda kemerahan dan melecur
- kesan melecur yang teruk dan berdarah pada bibir, mata, mulut, hidung dan alat kelamin.
- sakit dada

Kesan-kesan sampingan tersebut adalah sangat serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan atau

dimasukkan ke hospital dengan segera. Semua kesan-kesan sampingan tersebut amat jarang berlaku.

**Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah pesakit.**

**Beritahu doktor jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang lain yang membuatkan anda berasa tidak sihat.**

---

## **Selepas menggunakan TRIPRIL**

---

### ***Penyimpanan***

**Simpan ubat tablet anda di dalam pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakannya.**

Jika anda mengeluarkan tablet daripada pek asalnya, ia tidak tersimpan dengan sempurna

**Simpan ubat anda di tempat kering dan sejuk pada suhu di bawah 25°C.**

**Jangan menyimpan TRIPRIL dan ubat-ubatan anda di dalam bilik air atau berdekatan sinki. Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau ditepi tingkap.**

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

**Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.**

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

## ***Pelupusan***

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil TRIPRIL, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

---

## **Deskripsi produk**

---

### ***Rupa dan warna***

Tablet TRIPRIL 5 mg merupakan tablet jingga berbentuk bujur, diameter 8mm panjang, dengan tanda 'DUO' pada satu permukaan dan bergaris tengah serta bertanda '861' pada satu permukaan lain.

TRIPRIL boleh didapati di dalam pek blister yang mengandungi 30 biji tablet.

### ***Kandungan***

Setiap tablet TRIPRIL mengandungi 5 mg ramipril sebagai bahan aktif.

---

## **Pengilang / Pengedar**

---

TRIPRIL dikilangkan dan diedarkan di Malaysia oleh:

**DUOPHARMA (M) SDN. BHD.  
(42491-M)**  
WHOLLY OWNED BY CCM  
DUOPHARMA BIOTECH  
BERHAD (524271-W)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang,

Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

---

## **Pemegang Pendaftaran**

---

**DUOPHARMA (M) SDN. BHD.  
(42491-M)**  
WHOLLY OWNED BY CCM  
DUOPHARMA BIOTECH  
BERHAD (524271-W)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

### **Nombor Pendaftaran:**

Tablet TRIPRIL 5 mg -  
MAL06051308A

Tarikh risalah ini disediakan:  
Disember 2011